


SELASA, 26 FEBRUARI 2019



[Halaman Utama](#) » [Sarawak](#) » Empat pelajar universiti disyaki edar dadah ditahan

Carian

## Empat pelajar universiti disyaki edar dadah ditahan

[Suka Kami Di Facebook](#)

⌚ 2019-02-26T14:54:16+08:00



Dadah dan anak pokok disyaki pokok ganja yang dirampas daripada suspek.

KUCHING: Empat pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mungkin berdepan hukuman mati apabila diberkas bersama sejumlah dadah disyaki ganja dalam serbuan ke sebuah rumah di Kampung Sungai Cina, di sini, pada Ahad.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Sarawak Superintenden Sahar Abd Latif berkata ketika serbuan dibuat sekitar 9.34 malam, kesemua empat suspek berada di bahagian dapur rumah berkenaan.

Dalam serbuan itu katanya, polis menjumpai dadah jenis ganja seberat 264.41 gram dan satu anak pokok dipercayai pokok ganja setinggi kira-kira 10 sentimeter.

"Hasil pemeriksaan, polis menjumpai satu botol plastik yang mengandungi dua paket plastik lutsinar berisi ketulan mampat dedaun kering disyaki ganja dianggarkan seberat 33.69 gram.

"Dua lagi ketulan mampat dianggarkan 76.49 gram juga disyaki ganja ditemui di dalam satu tin dan tujuh lagi paket plastik juga masing-masing berisi dedaun kering dengan berat 154.23 gram disyaki ganja ditemui dalam satu kotak.

“Hasil pemeriksaan lanjut, polis turut merampas satu anak pokok disyaki pokok ganja serta alat pengisar bersama satu alat penimbang digital,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Sahar memberitahu siasatan awal turut mendapati kumpulan berempat itu mula terlibat kegiatan pengedaran dadah sejak awal tahun ini di sekitar kawasan Matang.

Menurutnya, saringan awal air kencing terhadap kesemua suspek juga didapati positif dadah jenis tetra hydrocannabinol (THC).

Kesemua suspek berusia 21 hingga 24 tahun kemudian ditahan untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 kerana memiliki dadah dan jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati.

Kes itu turut disiasat mengikut Seksyen 6B dan Seksyen 15(1)(a) akta sama.

---

oleh Jeremy Lanson

Kategori [Sarawak](#)

---

 Facebook

 Twitter

 Google+

 Email

 Print